

SEULAS PINANG



**ENCIK MOHAMED
NOH DAIPI**

Pengarah
Pusat Bahasa Melayu
Singapura



Siri Ceramah Arif Budiman merupakan salah satu program tukikan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Selama sedekad ini, sebanyak 16 sesi ceramah telah dianjurkan dan disampaikan oleh pakar-pakar bahasa serantau dan antarabangsa. Mereka merupakan ilmuwan tersohor bidang pendidikan, bahasa, budaya, peradaban dan sejarah Melayu. Saya dan rakan-rakan setugas mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada setiap penceramah, "...budi tuan kami terima, jadi kenangan bertahun-tahun."

Himpunan teks Ceramah Arif Budiman Jilid 4 ini memberi perspektif yang pelbagai tentang penggunaan, pembelajaran dan perkembangan bahasa serta peradaban Melayu (BM). Profesor Mikihiro Moriyama menggalur sejarah peluasan pembelajaran BM di Jepun yang berideologi militarisme, dan bahasa Jepun sendiri dalam konteks negara bangsanya. Tuan Haji Sidek Hj Saniff berkongsi pengamatan dan pengalaman peribadinya dalam mendukung citra BM sebagai jati diri warga Melayu di Singapura. Profesor Farish Noor membongkar sauh sejarah dan menyerlahkan pandangan bahawa masyarakat Melayu lama mampu membina sistem kehidupan yang kompleks dan global yang bercirikan transaksi berbilang budaya serta dinamik, tanpa campur tangan oleh penjajah Eropah. Hal ini pastinya relevan untuk diteladani dalam kita mempersiapkan diri bagi berdepan dengan arus globalisasi yang tidak menentu pada masa mendatang. Profesor Datuk Dr Awang Sariyan pula menela masa depan BM di rantau ini dan memberikan saranan pelan tindakan untuk terus memartabatkan BM di Nusantara.

Semoga Siri Ceramah Arif Budiman akan terus menjadi cendana dalam ekosistem ilmu kita. Buah fikiran ilmuwan yang wangi akan langsung menyegarkan fikiran dan hati nurani serta mengukuhkan jati diri kita.